

GOLONGAN DAN RUMUS KATA GANDAAN BERIMA

Mohd Yunus Sharum

myunus@fsktm.upm.edu.my

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Putra Malaysia

Zaitul Azma Zainon Hamzah

zaitul@fbmk.upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kata gandaan berima merupakan satu golongan kata dalam bahasa Melayu. Namun, terdapat masalah berkaitan ciri penggolongan dan pengenalpastian pembentukannya. Dalam makalah ini kata gandaan berima dikaji dan beberapa ciri khusus definisinya diketengahkan. Selain itu, aspek pembentukan strukturnya dijelaskan dengan menggunakan model *Morpheme Doubling Theory* (MDT) berserta hipotesis “acuan makna”. Tiga rumus pembentukan gandaan rima dijelaskan secara terperinci. Melalui kajian ini, empat golongan kata gandaan berima dikenal pasti melibatkan dua golongan baharu berdasarkan rumus. Kesimpulannya, golongan dan penggandaan berima boleh diperjelas secara lebih terperinci, dengan kekangan pada sesetengah aspek.

Kata kunci: morfologi, analisis morfologi, penggandaan berima, bahasa Melayu

Abstract

Rhythmic reduplication is one of word formation processes for Malay. However, there are problems in its classification and identification of its characteristics. This paper describes occurrences the rhythmic reduplication and defines their specific characteristics. By applying the Morpheme Doubling Theory (MDT) and the notion of “semantical copying” the ways in which words are rhythmically reduplicated are explained. Additionally, three formation models were also described. Based on these findings, four types of rhythmic reduplication are identified, includes two new formulas. Why rhythmic reduplication occurs can be explained although certain constraints do apply in certain aspects.

Keywords: morphology, morphological analysis, rhythmic reduplication, Malay Language

PENDAHULUAN

Kata gandaan berima diertikan sebagai segolongan kata yang dibentuk melalui proses pengulangan kata akar yang mengalami perubahan sama ada pada susunan konsonan, vokal mahupun suku kata. Antara kata akar dengan salinannya mempunyai ciri-ciri persamaan rima, bunyi dan sebutan; yang wujud hasil persamaan vokal, konsonan, suku kata ataupun persamaan-persamaan lain. Ini menjadikannya seakan-akan berima atau berentak. Dalam istilah bahasa Indonesia disebut juga sebagai “pengulangan dengan salin bunyi” (Hasan Alwi *et al.*, 2000:148).

Selain penggandaan berima, proses penggandaan kata bahasa Melayu yang lain ialah penggandaan penuh (cth.: *gula-gula, persatuan-persatuan*); penggandaan separa yang terbahagi kepada penggandaan suku kata pertama, penggandaan kata akar dan penggandaan menyaling (cth.: *pepatung, berlari-lari, sapa-menyapa*); serta penggandaan bebas (cth.: *ipar-duai*). Tetapi pengandaan bebas juga dikategorikan sebagai penggandaan berentak bebas oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2006).

Makalah ini menghuraikan ciri penggolongan penggandaan berima, proses pembentukan, dan faktor perubahan yang berlaku terhadap kata gandaan tersebut. Selain itu, hasil kajian dapat digunakan sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Penjelasan terhadap proses pembentukan kata dapat mendorong proses penggandaan berima menjadi produktif sepertimana pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan lain yang jelas lebih difahami dan diamalkan.

MASALAH PENGGOLONGAN KATA GANDAAN BERIMA

Pakar nahu bahasa Melayu telah lama menghuraikan proses pembentukan kata gandaan berima melalui penggolongannya. Namun, semua pendekatan berbentuk deskriptif, iaitu menggolongkannya kepada kelompok-kelompok tertentu berdasarkan corak leksikal yang diperlihatkan oleh kata gandaan tersebut. Hal ini dapat dirujuk dalam (Nik Safiah *et al.*, 2006), (Asmah, 1975; 2008; 2009), (Abdullah, 1974; 2008), (Hashim, 1993) dan lain-lain. Secara amnya kata gandaan berima dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu (1) pengulangan konsonan, (2) pengulangan vokal, dan (3) pengulangan suku kata. Contoh bagi kata gandaan berima:

Pengulangan konsonan: *tindak-tanduk, asal-usul, dentam-dentum*

Pengulangan vokal: *karut-marut, cerai-berai, sayur-mayur*

Pengulangan suku kata: *bukit-bukau, hina-dina, jongkang-jongket*

Pembahagian ini belum mantap kerana sesetengah pengulangan suku kata juga masih boleh digolongkan sebagai pengulangan konsonan atau vokal, dan sebaliknya; sekali gus mewujudkan perbezaan dalam kalangan pakar nahu dan bahan-bahan rujukan. Nik Safiah *et al.* pula menggolongkan kata gandaan bebas sebagai gandaan *berentak bebas* kerana dianggap terdapat hubungan antara akar dengan gandaannya (2006:78–79), yang melibatkan ciri suprasegmental yang bukan terletak pada ciri leksikal atau bunyinya (Hashim, 1993:180). Ini meliputi kata gandaan seperti *saudara-mara, ipar-duai* dan sebagainya.

Abdullah (2008) menjelaskan wujud golongan yang dikatakan sebagai frasa rangkap kata tetapi disalah anggap sebagai kata gandaan. Misalnya *asal usul* dan *cucu cicit*. Berbanding frasa, Abdullah menerangkan kata ganda tidak boleh dipisahkan cth.: *bolak-balik, ipar-duai*. Rangkap kata pula mempunyai dua kata yang berbeza tetapi berkaitan (2008:103). Oleh sebab itu, *asal usul* dan *cucu cicit* digelar frasa rangkap kata. Hal pemisahan ini disebut juga oleh Sulaiman *et al.* (2006:72), cuma Sulaiman *et al.* mendakwa bahawa kata akar dan gandaan berima mempunyai makna yang seerti dan bukannya berlawanan. Liaw *et al.*, (1994) juga menerima pengandaan tersebut atas sebab seerti; yang diistilahkan sebagai “sejajar” (1994:176-77). Contoh-contoh ini pernah diterima oleh Abdullah sebagai *asal-usul* dan *cucu-cicit* (1974; 1988). Dalam rujukan lain tidak disebut syarat “seerti” mahupun “pemisahan dengan kata hubung” ini sebagai syarat penggolongan kata gandaan.

Masalah wujud penggolongan yang berbeza adalah kerana tidak ada definisi yang jelas dan khusus terhadap kata gandaan berima. Penggandaan berima bukan penggandaan penuh kerana persamaan yang wujud tidak menyeluruh, sebaliknya hanya pada aspek tertentu sahaja. Maka berdasarkan penggolongan yang ada sekarang, ciri penggandaan berima itu wujud sebagai relatif kepada ciri penggandaan penuh, iaitu ciri yang sebaliknya.

Tambahan pula kaedah menentukan tahap persamaan mahupun perbezaan bagi kata gandaan berima tidak pernah dibincangkan sebelum ini. Hal ini sekali gus melayakkan penggandaan separa sapa-menyapa dan *menyapu-nyapu* digolongkan dalam pengandaan berima (kerana dianggap bukan penggandaan penuh dan mempunyai “rima”). Namun, hal ini tidak berlaku kerana sapa-menyapa boleh dikategorikan sebagai gandaan menyaling. Manakala menyapu-nyapu pula tidak digolongkan sebagai gandaan berima kerana boleh dikategorikan sebagai pengulangan kata akar. Penggandaan suku kata pertama pula hanya untuk penggandaan yang menggunakan suku kata pertama akarnya sahaja dengan perubahan tetap vokalnya kepada “e-pepet”.

Oleh itu, rumus bagi kata gandaan berima tidak ada. Selain ciri leksikal, ciri-ciri yang mewujudkan golongan gandaan berima itu ialah sifat “kata gandaan dengan persamaan yang bukan penuh, bukan separa dan bukan bebas”. Definisi yang jelas perlu untuk suatu golongan yang unik. Satu ciri asas bagi gandaan berima ialah:

Ciri 1

Terhasil daripada pengulangan yang melibatkan seluruh kata akar, dengan perubahan tertentu pada struktur leksikalnya.

Tetapi definisi ini belum lengkap kerana ia juga merangkumi ciri penggandaan separa, iaitu pengulangan kata akar. Maka definisi lanjutan untuk memisahkan penggandaan separa ialah:

Ciri 2

Perubahan leksikal tidak berlaku disebabkan pengimbuhan.

Berdasarkan Ciri 2, maka kata gandaan bersisipan bukanlah kata gandaan berima. Ini kerana jika diperhatikan salah satu ciri penggandaan separa juga adalah untuk menunjukkan “berganda-ganda” seperti *bersungguh-sungguh* dan *beramai-ramai*. Tambahan pula sisipan ialah

sejenis imbuhan, maka lebih layak digolongkan sebagai penggandaan separa. Bagaimana pula dengan frasa rangkap kata? Sesetengah menganggap asal usul dan *cucu cicit* itu boleh jadi kata gandaan berima. Maka definisi kata gandaan berima boleh diperincikan lagi dengan:

Ciri 3


Kata gandaan berima tidak mempunyai lebih daripada satu komponen yang boleh wujud sendiri sebagai kata akar.

Maka *cucu cicit* itu jelas bukan kata gandaan berima (tetapi *asal usul* diterima atas faktor lain).

PEMBENTUKAN KATA GANDAAN BERIMA MENURUT TEORI PENGGANDAAN MORFEM

Morpheme Doubling Theory atau Teori Penggandaan Morfem (Inkelas & Zoll, 2005), singkatannya MDT, menjelaskan penggandaan sebagai suatu pembentukan morfologi yang menekankan identiti semantik berbanding fonologi (penyalinan bunyi) semata-mata. Melalui teori ini, proses penggandaan melibatkan pengulangan atau penyalinan morfem pada nod anak, iaitu salah satu atau kedua-duanya akan mengalami proses yang tertentu (diistilahkan sebagai *cophonology*). Kemudian, kedua-dua nod anak tersebut akan membentuk kata gandaan berima pada nod ibu.


Amnya, penggandaan berima boleh dijelaskan menggunakan kerangka teori MDT. Misalnya, bagi kata gandaan berima *sayur-mayur* proses pembentukannya menurut model MDT adalah seperti yang berikut:



Rajah 1 Kata ganda berima *sayur-mayur* menurut model MDT.

Dalam model MDT, kata akar *sayur* mengalami proses pengulangan yang menghasilkan dua nod anak (*/sayur/*). Kemudian salah satu nod anak mengalami proses penukaran fonologi, iaitu proses yang membentuk gandaan berima (dalam contoh ini *mayur*). Kedua-dua nod anak akan

disatukan pada nod ibu untuk membentuk kata gandaan berima yang lengkap, iaitu *sayur-mayur*. Model yang sama boleh menjelaskan pembentukan *bolak-balik*, seperti yang berikut:



Rajah 2 Kata ganda berima bolak-balik menurut model MDT.

Amnya, melalui model MDT, kita dapat menerangkan dua aspek kata gandaan berima, iaitu (1) bagaimana gandaan berima cth.: *mayur, bolak* terbentuk; dan (2) bagaimana semantik (makna) *sayur, balik* itu digandakan. Berdasarkan model ini, suatu hipotesis dibentuk, iaitu hipotesis “acuan makna” yang mengatakan bahawa pengulangan itu tidak hanya melibatkan bentuk leksikal akar, tetapi pada masa yang sama menyalin fitur semantiknya kepada gandaannya. Melalui proses ini wujud hubungan semantik yang erat antara kata akar dengan gandaan berima dan ini dapat dibuktikan menggunakan MDT. Namun, hubungan ini tidak semestinya “seerti”.

Berdasarkan model MDT, terdapat proses penukaran fonologi yang membentuk gandaan berima, justeru mewujudkan aspek berima dalam kata gandaan tersebut. Menurut Asmah, perubahan-perubahan yang berlaku menekankan kepada aspek eufoni atau keindahan bunyi, menyebabkan ia tidak terikat kepada peraturan atau rumus tertentu (1975:193; 2008:37; 2009:256). Dasar atau alasan yang digunakan semasa pembentukan, iaitu dalam memilih bentuk pengulangan atau corak tertentu (pengulangan vokal, konsonan, suku kata dan sebagainya), juga tidak pernah dikenal pasti atau diketahui secara jelas. Benarkah penggandaan berima bergantung semata-mata pada naluri penutur atau masyarakat sekelilingnya? Daripada kajian sebahagian rumus tersebut boleh dikenal pasti dengan mengkaji struktur dan ciri leksikal kata gandaan.

Struktur kata gandaan berima boleh tergolong kepada tiga bentuk, iaitu:

- akar + “-” + salinan - (i)
- salinan + “-” + akar - (i)
- morfem1 + “-” + morfem2 - (iii)


Sesetengah [salinan] jelas bertindak sebagai pelengkap kepada [akar] dan tidak pernah ditemui wujud sendiri, misalnya *serta-merta* dan *dentam-dentum*. Tetapi ada juga [salinan] yang seakan-akan suatu morfem/kata bebas, iaitu *corak-carik*, *usul-asal* /*asal-usul* dan *beli-belah*. Sungguhpun begitu, persamaan ini dianggap wujud secara kebetulan atas sebab penggubahan rima. [Salinan] seperti *corak*, *usul* dan *belah* jelas tidak konsisten dengan maksud kata akar gandaan (*carik*, *asal* dan *beli*). Maka ia dianggap sebagai [salinan] yang berhomograf dengan kata akar tertentu. Jika tidak, hal ini bertentangan dengan prinsip “acuan makna”, iaitu aspek perkaitan makna perlu wujud. Ini mewujudkan ciri keempat kata gandaan berima:

Ciri 4

Memenuhi syarat “acuan makna”;
 iaitu mempunyai kaitan makna antara morfem, atau antara akar dengan gandaannya.

Sebahagian kata gandaan berima tidak dapat dikenal pasti kata akarnya, misalnya *huru-hara*, *dolak-dalik* dan *porak-peranda* (Asmah, 2008:38; 1975:192–93). Maka kedua-dua komponen model (iii) dianggap sebagai morfem. Asmah menyatakan model kata gandaan sebagai “diulang” dan “pengulang” (2009:255). Susunannya meliputi bentuk diulang-pengulang (bagi model (i)), pengulang-diulang (bagi model (ii)) dan yang “tidak mempunyai barang satu pun kata sempurna sebagai unsurnya” (2009:255), iaitu bagi model (iii).

Di sini timbul persoalan, bagaimana gabungan morfem ini terbentuk? Jika berdasarkan model MDT, salah satu kemungkinan adalah seperti yang berikut (contoh: *huru-hara*):



Rajah 3 Kata ganda berima *huru-hara* menurut model MDT.

Bagi pembentukan *huru-hara*, diandaikan terdapat pengulangan dan percantuman morfem /huru/ (tetapi tidak diketahui makna sebenarnya). Mungkin juga morfem dasarnya ialah /hara/. Pengulangan adalah untuk membentuk kata dasarnya, manakala pencantuman membentuk kata gandaannya. Pembentukan MDT seperti ini dijelaskan oleh Rau dan Dong (2005) bagi penggandaan yang berlaku pada bahasa Yami.

CIRI LEKSIKAL GANDAAN BERIMA

Berdasarkan 183 sampel data, didapati komponen sebelah kiri hanya melibatkan dua suku kata. Manakala komponen sebelah kanan mempunyai dua hingga tiga suku kata. Pengecualian adalah bagi *serembah-serembih*. Kesemua komponen yang mengandungi tiga suku kata dikenal pasti sebagai komponen gandaannya – contoh: *terang-benderang* dan *sebab-musabab*. Justeru, andaian boleh dibuat bahawa semua [akar] ialah kata yang hanya merangkumi dua suku kata. Turut dikenal pasti, semua data dimulai dengan huruf konsonan pertama tunggal atau dimulai dengan vokal, manakala gugus konsonan seperti *ny-* atau *ng-* tidak ditemui.

Golongan kata gandaan berima sedia ada berdasarkan persamaan pada ciri leksikalnya. Golongan pengulangan konsonan melibatkan persamaan huruf-huruf konsonan sahaja. Golongan pengulangan vokal pula berdasarkan persamaan vokal antara akar dengan gandaannya. Manakala bagi pengulangan suku kata melibatkan persamaan sebahagian suku kata antara akar dengan gandaannya. Seperti yang didakwa oleh Asmah, setiap perubahan ini menekankan kepada memenuhi ciri eufoni atau keindahan bunyi.

Berdasarkan model MDT, terdapat proses penukaran fonologi yang membentuk “rima” terhadap gandaan dalam kata gandaan berima. Namun, prosesnya belum pernah dijelaskan. Sehingga kini, tidak ditemui sebarang perbincangan yang benar-benar terperinci berkenaan struktur leksikal kata gandaan berima, melainkan yang ditemui dalam (Abdullah, 1974) seperti dalam Jadual A pada Lampiran. Hashim (1993) pula menyenaraikan corak secara umum (vokal diwakilkan sebagai set vokal, iaitu V) seperti dalam Jadual B pada Lampiran.

Abdullah merumuskan beberapa corak pengulangan konsonan yang merangkumi 86 kata gandaan berima yang ditemuinya (1974:71–73, 86–89). Dalam rumus yang dibentuk, huruf “C” merujuk kepada sebarang huruf konsonan, manakala tanda kurungan “(…)” menandakan bahawa huruf itu adalah tidak tetap. Manakala bagi pengulangan suku kata tidak

mempunyai sebarang corak am, kecuali dibahagikan kepada pengulangan suku kata pertama dan suku kata akhir. Jika diperhatikan pada set corak [(C)u(C)(C)a(C) → (C)a(C)(C)iC], didapati kata bertanda “*” dalam Jadual A-1 tidak mematuhi corak-corak yang dinyatakan.

Daripada analisis pula, rumusan ini telah dibandingkan dengan set data baharu (183 kata gandaan berima). Melalui perbandingan ini, didapati sebahagian besar data, iaitu 97 (53 peratus) kata tidak terangkum dalam corak-corak am pengulangan konsonan yang disenaraikan itu, manakala sebanyak 86 (47 peratus) kata dapat dicam. Ujian ini juga tidak mengambil kira kelas kata. Melalui analisis, didapati corak-corak seperti [Co(C)CaC → Ca(C)CiC] dan [Ce(C)CaC → Ce(C)CuC] sangat dominan dalam kategori pengulangan konsonan. Ini seolah-olah membuktikan eufoni dalam penggandaan sebenarnya ada corak-corak yang tetap. Manakala corak-corak yang lain seperti [CuCu → CaCat] dan [CaCCi → CaCCa] jelas tidak produktif.

Daripada rumusan Abdullah terhadap pengulangan konsonan, terdapat 11 bentuk perubahan vokal yang dikenal pasti. Misalnya bagi kata yang mempunyai jujukan vokal [u,u] dan [o,o] masing-masing hanya berubah kepada {a,a} dan {[a,a],[a,at]} sahaja. Daripada analisis lanjut menggunakan data baharu, beberapa pemetaan tambahan turut ditemui. Semua rumus pemetaan ini dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah. {é} merujuk kepada huruf e-taling, manakala {e} e-pepet. [a,b] pula bermaksud aturan pasangan huruf a,b (kedudukan a mendahului b dalam susunan kiri ke kanan). Jadual 2 pula merangkumkan pemetaan perubahan vokal ini mengikut huruf vokal dan perubahannya bagi setiap kedudukan suku kata.

Jadual 1 Senarai perubahan pasangan vokal yang telah dikenal pasti, merangkumi corak yang dikenal pasti oleh Abdullah (1974).

Vokal Komponen Kiri	Vokal Komponen Kanan
[a,a]	[a,i], [u,u], [a,u]
[a,i]	[a,a]
[a,u]	[a,a], [a,i]
[e,a]	[e,u], [e,i]
[e,u]	[e,a]
[é,a]	[é,o]
[i,a]	[i,u],[a,u]
[o,a]	[a, i], [o,é]
[o,o]	[a,a]
[u,a]	[u,i], [a,i]
[u,u]	[a,a], [a,at]

Jadual 2 Senarai perubahan vokal mengikut huruf dan posisi suku kata.

Vokal Komponen Kiri	Posisi Suku Kata	Vokal Komponen Kanan
a	Pertama	a, u
	Akhir	u, i, o, é
e	Pertama	e
é	Pertama	é
i	Pertama	a, i
	Akhir	a
o	Pertama	a, o
	Akhir	a
u	Pertama	a, u
	Akhir	a, at, i

Jadual 2 turut menunjukkan bahawa vokal yang berada pada posisi berbeza mengalami perubahan yang berbeza. Huruf {e, é} tidak mengalami perubahan jika berada pada suku kata yang pertama (atau kedua seperti dalam *serembah-serembih*). Perubahan vokal pada suku kata akhir yang mengandungi {e, é} juga belum pernah ditemui.

Jika diperhatikan pada bentuk perubahan bagi setiap vokal didapati semuanya mempunyai pasangan perubahan yang memeta kepada dirinya sendiri, iaitu ada masanya huruf vokal ini tidak berubah. Perubahan dua vokal melibatkan dua suku kata, tetapi perubahan melibatkan satu vokal hanya berlaku pada suku kata kedua. Tiada sebarang perubahan yang berlaku kepada huruf {e, é}.

Perubahan vokal yang dikenal pasti berlaku dalam pengulangan konsonan boleh dirumuskan seperti yang berikut:

- Vokal yang tidak akan berubah ialah huruf {e, é}. Maka jika huruf vokal pertama {e, é}, ia dikekalkan sama ada pada komponen kiri mahupun kanan.
- Vokal {a} yang berada pada suku kata pertama hanya berubah kepada {u} atau kekal.
- Vokal {i,o,u} yang berada pada suku kata pertama hanya berubah kepada {a} atau kekal.
- Vokal {i,o} yang berada pada suku kata kedua hanya berubah kepada {a} sahaja.
- Apabila vokal pada suku kata pertama berubah, vokal selepasnya juga berubah. Manakala vokal pada suku kata kedua boleh berubah walaupun huruf vokal sebelumnya tidak berubah. Perubahan ini tidak berlaku kepada {e, é}.

Perubahan-perubahan ini merujuk kepada penukaran fonologi yang dipaparkan dalam model MDT di atas.

Manakala analisis bagi pengulangan suku kata tidak menunjukkan bentuk perubahan yang mantap. Berdasarkan hasil analisis untuk pengulangan suku kata, didapati perubahan [-ang → { -ét, -i, -ok, -ot, -uk, -ut, -it}] merangkumi jumlah tertinggi, iaitu 11 kata, manakala [-u → { -an, -ai, -am, -ang, -ah, -au}] merangkumi lapan kata. Manakala bagi pengulangan suku kata akhir, tidak ada perubahan corak yang signifikan dikenal pasti kerana pemetaan perubahan semuanya berbeza, dan hanya terdapat satu hingga dua sahaja bagi setiap pemetaan perubahan suku kata akhir. Misalnya, pemetaan perubahan [lint- → { puk-, si- }] dan [pi- → { la-, ra- }] masing-masing merangkumi dua kata gandaan sahaja.

Corak pengulangan dan perubahan yang dikenal pasti bukanlah suku kata dalam erti kata sebenar tetapi perubahan segmen tertentu membabitkan satu atau lebih suku kata. Misalnya, -ang adalah sebahagian suku kata -kang, -Oang dan -gang (daripada *bengkang*, *biang* dan *conggang*; masing-masing daripada *bengkang-bengkok*, *biang-biut*, *conggang-congget*). Oleh sebab pangkalnya, iaitu {k, Ø, g} itu tidak berubah maka yang dinyatakan cuma yang berubah saja, iaitu -ang. Kaedah analisis berdasarkan perubahan segmen (dan bukan suku kata) ini dapat mengumpulkan persamaan yang lebih meluas.

Daripada pengulangan suku kata pertama, terdapat 28 kata gandaan yang melibatkan rumus pembentukan seperti yang berikut:

$$KV (K)(K)(K)ab - KV (K)(K)(K)xy \quad - (iv)$$

Senarai hasil rumus (iv) merangkumi *bengkang-bengkok*, *biang-biut*, *conggang-congget*, *genjang-genjot*, *incang-incut*, *jongkang-jongket*, *lenggang-lenggok*, *liang-liuk*, *liang-liut*, *selang-seli*, *unggang-unggit*, *batu-batan*, *belu-belai*, *deru-deram*, *kayu-kayan*, *lalu-lalang*, *malu-malah*, *sedu-sedan*, *silu-silau*, *gerak-geri*, *kicak-kicau*, *sorak-sorai*, *bukit-bukau*, *kilat-kilau*, *licin-licau*, *beli-belah*, *safan-safa* dan *ungkah-ungkit*. Perubahan konsonan akhir (*b* kepada *y*) yang berlaku adalah seperti yang berikut*:

[Ø→h] (2)	[h→t] (1)	[ng→i] (1)
[Ø→i] (1)	[k→Ø] (1)	[ng→k] (3)
[Ø→m] (1)	[k→i] (1)	[ng→t] (7)
[Ø→n] (3)	[k→u] (1)	[t→u] (2)
[Ø→ng] (1)	[n→u] (1)	
[Ø→u] (1)	[n→Ø] (1)	

*Angka N dalam kurungan ialah jumlah pecahan pemetaan bagi kata tersebut.

Berdasarkan analisis, didapati perubahan vokal (*a* kepada *x*) konsisten dengan rumus perubahan vokal pada pengulangan konsonan (Jadual 1 dan 2). Misalnya bagi [-ang → { -et, -i, -ok, -ot, -uk, -ut, -it}], vokal {*a*} masih berubah kepada {*i,o,u,é*}, tetapi perubahan vokalnya tidak dipengaruhi posisi suku kata.

Selain itu, didapati 28 kata yang berubah pada huruf konsonan awalnya saja sementara huruf konsonan yang lain tidak berubah, iaitu berdasarkan rumus,

$$xV(K)(K)VK(K) - yV(K)(K)VK(K) \quad - (v)$$

Senarai hasil rumus (v) merangkumi *anak-pinak, aram-temaram, calar-balar, cerai-berai, cewat-mewat, cirit-birit, enca-benca, halai-balai, herot-berot, herot-perot, hina-dina, hingar-bingar, hiru-biru, hutang-piutang, kaih-maih, karut-marut, kuih-muih, lauk-pauk, pencong-mencong, ramah-tamah, saki-baki, sara-bara, sayur-mayur, selit-belit, selok-belok, senang-lenang, serta-merta* dan *terang-benderang*. 16 pemetaan yang dikenal pasti membabitkan rumus (v) merangkumi*;

[∅→b] (1)	[h→d] (1)	[s→b] (4)
[∅→tem] (1)	[h→p(i)] (2)	[s→m] (2)
[a→pi] (1)	[k→m] (3)	[s→l] (1)
[c→b] (3)	[l→p] (1)	[t→bend] (1)
[c→m] (1)	[p→m] (1)	
[h→b] (4)	[r→t] (1)	

*Angka N dalam kurungan ialah jumlah pecahan pemetaan bagi kata tersebut.

Manakala yang selebihnya, iaitu 28 kata gandaan dapat digolongkan sebagai pengulangan suku kata (pertama/akhir).

Secara keseluruhannya, daripada 183 kata gandaan berima 101 melibatkan pengulangan konsonan, 28 melibatkan pengulangan suku kata awalan dengan rumus perubahan vokal [rumus (iv)], manakala 28 lagi merupakan pengulangan “penuh” dengan perubahan konsonan pertama [iaitu rumus (v)]. Daripada 183 itu hanya 26 kata belum dapat dikenal pasti ciri penggandaan berimanya (bagaimana suku kata itu berubah). Ini bermakna 86 peratus kata gandaan berima ini telah menunjukkan corak dan aturan yang jelas. Statistik ini juga dapat membuktikan bahawa perubahan gandaan berima bahasa Melayu mempunyai aturan yang boleh dijelaskan dengan terperinci walaupun hanya secara leksikal.

CIRI BUKAN LEKSIKAL GANDAAN BERIMA

Golongan pengulangan konsonan oleh Abdullah (1974) telah dipecahkan kepada corak yang melibatkan kata kerja dan corak yang hanya untuk kata nama. Misalnya, corak [CoCoC → CaCaC] berlaku pada kelas kata kerja dan tidak untuk kelas kata nama, manakala [CuCu → CaCat] pula adalah sebaliknya. Manakala golongan pengulangan suku katanya pula tidak menghasilkan sebarang corak am, dan hal ini meliputi kedua-dua kelas, iaitu kata nama dan kata kerja. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati kelas kata kerja dan kelas kata nama banyak melibatkan pengulangan suku kata akhir. Pada masa yang sama, pengulangan suku kata pertama juga masih melibatkan kedua-dua kelas kata.

Daripada analisis terhadap padanan yang dibuat oleh Abdullah, didapati terdapat pengulangan konsonan yang tertumpu pada kelas kata tertentu, tetapi tidak pula dapat dikenal pasti mengapa pengulangan konsonan lebih tinggi jumlahnya berbanding pengulangan suku kata. Walau bagaimanapun, sampel data yang digunakan oleh Abdullah itu agak terhad, sementara dari aspek kepelbagaian kata gandaan berima itu pula hanya melibatkan kelas kata nama dan kata kerja.

Berdasarkan analisis untuk menentukan kata akar mana yang terlibat, jika dibuat perbandingan dengan bentuk penggandaan lain, Asmah menyatakan 0.34 peratus penggandaan adalah penggandaan berima, iaitu yang “memperlihatkan bahawa hanya satu sahaja daripada unsurnya memasuki golongan kata tertentu, sedangkan unsur yang lainnya tidak pernah berdiri sendiri sebagai kata sempurna.” (2009:260). Peratusan ini adalah untuk pelbagai kelas kata, tetapi tidak dinyatakan secara terperinci merangkumi kelas kata yang mana. Dalam (Abdullah, 1974; 1988) hanya menerangkan kewujudan kata gandaan berima untuk kata akar bagi kelas kata nama dan kata kerja sahaja, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1. Penggandaan berima tersebut menerbitkan kata nama kepada kata nama, dan kata kerja kepada kata kerja.

Asmah menyatakan penggandaan berima berlaku untuk kata nama, kata kerja, kata sifat (adjektif) dan adverba (2009:254). Abdullah (2008) memberikan beberapa contoh kata adjektif yang mengalami penggandaan berima, iaitu *lekak-lekuk*, *remuk-redam*, *bengkang-bengkok*, *hiruk-pikuk*, *terang-benderang*, *licin-lican*, *herot-perot*, *hingar-bingar*, *hina-dina*, *huru-hara* dan *senang-lenang*. Nik Safiah *et al.* pula memberikan contoh lain seperti *kacau-bilau*, *gilang-gemilang*, *kontang-kanting*, *titik-bengik*, *porak-peranda*, *gelap-gelita*, *kucar-kacir*, *kusut-masai* dan *simpang-siur*

(2006). Sebahagian contoh tersebut juga ditemui dalam (Asmah, 1975; 2009). Sementara bagi kelas kata yang lain, iaitu adverba ialah *serta-merta*, *sedu-sedan* dan *hoyong-hayang* (Asmah, 1975; Abdullah, 2008). Setakat ini belum pernah ditemui sebarang contoh atau keterangan untuk kelas kata lain sebagai kata gandaan berima.

Jadual 3 menunjukkan senarai taburan perubahan vokal (pengulangan konsonan) untuk setiap kelas kata, hasil analisis terhadap sampel data yang dikumpulkan. Sampel data tersebut mengandungi 36 kata nama, 85 kata kerja, 50 kata adjektif dan 12 kata adverba. Senarai ini dipaparkan dalam Jadual C pada Lampiran. Pembahagian kelas kata ini berdasarkan kelas kata gandaannya dan bukan kata akar. Namun, apabila diteliti kata yang boleh dikenal pasti kata akarnya, kebanyakan kelas katanya tidak berubah dan sama seperti kelas kata akar. Namun, terdapat pengecualian misalnya bagi kata *warni-warni* (kata nama kepada adjektif).

Kelas kata kerja paling banyak mengalami pengulangan konsonan, dan terbanyak berbanding kelas kata lain. Kata nama, kata adjektif dan adverba hampir seimbang bagi setiap penggolongan. Berdasarkan statistik ini, jelas kelas kata kerja lebih dilibatkan dengan penggandaan berima pengulangan konsonan. Corak yang paling banyak digunakan ialah [e,a] → [e,u] dan [o,a] → [a,i]. Manakala [u,a] → [a,i] dan [u,u] → [a,a] juga kerap tetapi tidak banyak. Tidak dapat dipastikan sama ada kelas kata kerja lebih mudah digandakan secara berima berbanding kelas kata yang lain.

KAEDAH PEMBENTUKAN KATA GANDAAN BERIMA

Berdasarkan pembincangan di atas, kita dapat mengenal pasti ciri dan rumus pembentukan kata gandaan berima. Rumus-rumus ini boleh dijadikan sandaran untuk membentuk kata gandaan berima yang baharu. Kaedah pembentukan umum yang dikenal pasti merangkumi proses yang berikut:

- Pengulangan konsonan yang melibatkan perubahan vokal, berpandukan 19 variasi perubahan vokal yang disenaraikan dalam Jadual 1.
- Pengulangan suku kata pertama, iaitu mengikut rumus (iv).
- Pengulangan penuh melibatkan perubahan konsonan awal, iaitu rumus (v).
- Pengulangan suku kata awal/akhir. (Namun, kaedah ini masih tidak dapat dijelaskan secara terperinci.)

Statistik telah menunjukkan perbandingan kelas kata antara kata kerja yang terbanyak dihasilkan dengan penggandaan berima dan kebanyakannya secara pengulangan konsonan. Corak pengulangan konsonan tersebut melibatkan perubahan vokal [e,a] → [e,u] dan [o,a] → [a,i]. Justeru,

GOLONGAN DAN RUMUS KATA GANDAAN BERIMA

bagi kata yang belum wujud gandaan berimanya seperti *sepak*, *kerat*, dan *tolak*. Mungkin boleh “digandarimakan” dengan rumus ini untuk menghasilkan kata kerja (masing-masing sebagai **sepak-sepuk*, **kerat-kerut*, **tolak-talik* dsb.).

Jadual 3 Senarai perubahan vokal dalam pengulangan konsonan dan jumlah taburan, berdasarkan kelas kata.

Vokal Komponen Kiri	Vokal Komponen Kanan	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Kata Adverba
[a,a]	[a,i]	1	1	1	0
	[a,u]	0	1	0	0
	[u,u]	1	0	0	0
[a,i]	[a,a]	0	1	0	0
[a,u]	[a,a]	0	0	1	0
	[a,i]	1	0	0	0
[e,a]	[e,u]	1	23	1	0
	[e,i]	2	2	3	0
[e,u]	[e,a]	0	2	2	0
[é,a]	[é,o]	0	2	0	1
[i,a]	[i,u]	1	0	0	0
	[a,u]	1	0	0	0
[o,a]	[a,i]	1	14	6	1
	[o,é]	0	1	0	0
[o,o]	[a,a]	0	1	0	2
[u,a]	[u,i]	1	3	0	0
	[a,i]	0	7	1	1
[u,u]	[a,a]	4	5	2	1
	[a,at]	1	0	0	0
Jumlah		15	63	17	6

Pembentukan juga bergantung pada struktur kata gandaan yang ingin dibentuk. Menurut rumus [e,a] → [e,u] misalnya, kata akar yang bervokal [e,u] diletakkan sebagai komponen kanan. Maka kata gandaan berima yang mungkin bagi kata kerja seperti *seluk* dan *tepek* ialah **selak-seluk* dan **tepak-tepek*. Amnya, kata akar boleh berada di kedudukan kanan atau kiri. Cuma secara statistiknya, [e,u] → [e,a] jarang ditemui berbanding [e,a] → [e,u]. Justeru, ciri ini perlu dipertimbangkan.

Ada pula rumus yang jarang menghasilkan kata nama, iaitu $[o,a] \rightarrow [a,i]$. Maka ada kemungkinan rumus ini tidak sesuai untuk menghasilkan kata nama, misalnya *bola-bali. Sebaliknya, kata nama banyak menggunakan rumus $[u,u] \rightarrow [a,a]/ [a,at]$. Oleh itu, *sudu* mungkin boleh “digandarimakan” menjadi **sudu-sadap* atau **sudu-sadat*. Melalui penggunaan rumus-rumus ini mungkin dapat mengelakkan kejanggalan dalam pembentukan kata kerana prosesnya dirumuskan berdasarkan kata gandaan sedia ada, dan statistik menunjukkan rumus yang sama telahpun digunakan untuk membina kata gandaan tersebut.

KESIMPULAN

Kata gandaan berima menghadapi masalah pada penggolongannya kerana tiada ciri khusus mengenainya yang dikenal pasti dan dijelaskan. Melalui definisi yang khusus, kata gandaan berima itu ditakrifkan sebagai kata gandaan yang memenuhi empat ciri yang berikut:

- Ciri 1: Terhasil daripada pengulangan yang melibatkan seluruh kata akar, dengan perubahan tertentu pada struktur leksikalnya.
- Ciri 2: Perubahan leksikal tidak berlaku disebabkan pengimbuhan.
- Ciri 3: Kata gandaan berima tidak mempunyai lebih daripada satu komponen yang boleh wujud sendiri sebagai kata akar.
- Ciri 4 : Memenuhi syarat “acuan makna”.

Perincian ini membolehkan kata gandaan berima digolongkan sebagai suatu golongan dengan ciri yang tersendiri. Namun begitu, masih terdapat kelemahan pada perincian ini kerana memerlukan penentuan kata akar. Sedangkan tidak semua kata akar kata gandaan berima dapat dikenal pasti dengan mudah. Namun begitu, pembentukan strukturnya masih dapat dijelaskan melalui model MDT dan “acuan makna”.

Berdasarkan kajian terperinci terhadap pengulangan konsonan, didapati terdapat corak-corak tertentu yang mendasari perubahan berimanya. Bahkan sesetengahnya sangat dominan berbanding corak-corak yang lain. Sesetengah perubahan leksikal yang berlaku melalui proses pembentukan yang khusus, misalnya rumus (iv) dan (v). Dengan memahami aturan tersebut, struktur dan proses pembentukan kata gandaan berima telah dapat dijelaskan secara terperinci. Selain faktor leksikal, faktor bukan leksikal (kelas kata) didapati mempengaruhi penggandaan berima. Ini diperolehi melalui hasil analisis berdasarkan kelas kata. Sesetengah peraturan lebih dominan pada sesuatu kelas kata dan tidak ketara pada kelas kata yang lain. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan.

Selain itu, masih terdapat segolongan 26 kata gandaan berima yang tidak dapat dikenal pasti rumus pembentukannya secara terperinci.

Hasil kajian ini bukan sahaja dapat membantu pemahaman proses penggandaan berima, tetapi juga membolehkan pembentukan kata gandaan berima yang baharu dan meluaskan penggunaannya. Di sini juga dapat disimpulkan bahawa kata gandaan berima itu wujud dengan sifat dan keunikannya yang tersendiri. Setiap perubahan atau penyesuaian bunyi (eufoni) yang berlaku semasa proses penggandaan berima pula berdasarkan corak dan rumus yang tetap, dan tidak hanya bergantung pada naluri penuturnya semata-mata.

NOTA

- ¹ Juga disebut sebagai *Morphological Doubling Theory*.
- ² Simbol: K = konsonan, V = vokal, Y = imbuhan. Y+ bermaksud berimbuhan Y. (...) adalah pilihan. Bagi {i, j, k}, i≠ j, i≠ k, j=k. Manakala bagi {i, j, k, l}, i≠ j, i=k, j=l.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1988. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan, 2008. *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Asmah Haji Omar, 1975. *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, 1993. *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Alwi *et al.*, 2000. *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Edisi ke-3. Jakarta: Balai Pustaka.
- Inkelas, Sharon & Cheryl Zoll, 2005. *Reduplication: Doubling in Morphology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

MOHD YUNUS SHARUM DAN ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH

Nik Safiah Karim *et al.*, 2006. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rau, D. Victoria & Maa-Neu Dong. "Yami Reduplication" dlm. *Concentric: Studies in Linguistics* 31:2. hlm. 57–97. 2005

Sulaiman M., Abdullah Y., Mohd Ra'in S., 2006. *Bahasa Melayu Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Tesaurus Bahasa Melayu Dewan, 2005. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN

Jadual A Senarai Penggolongan Kata Gandaan Berima menurut Abdullah (1974).

Kategori	Corak	Jumlah	Senarai Kata	Kelas Kata
Pengulangan suku kata pertama	—	5	batu-batan, bukit-bukau, kilat-kilau, piat-piut, sampah-sarap	K. Nama
		7	beli-belah, béngkang-béngkok, kicak-kicau, lalu-lalang, lénggak-lénggok, malu-malah, silu-silau	K. Kerja
Pengulangan suku kata akhir	—	7	anak-pinak, hutang-piutang, kuih-muih, saudara-mara, lauk-pauk, sayur-mayur, sélok-bélok	K. Nama
		13	cerai-berai, céwat-méwat, hempaspulas, hérot-pérot, hurai-barai, kacaubilau, kaih-maih, lintuk-siuk, pecahbelah, punah-ranah, ramah-tamah, tungkus-lumus, tunggang-langgang	K. Kerja
Pengulangan konsonan atau “chiming”	(C)uCuC → (C)aCaC	3	usul-asal, gunung-ganang, guruh-garah	K. Nama
	CuCu → CaCat	1	suku-sakat	K. Nama
	CuCu → CiCit	1	cucu-cicit	K. Nama
	CuCu(C) → CaCa(C)	6	duduk-dadak, huru-hara, kutungkatang, kuyup-kayap, luruh-larah, susuk-sasak	K. Kerja
	CoCoC → CaCaC	3	gopoh-gapah, hoyong-hayang, nonong-nanang	K. Kerja
	(C)u(C)(C)a(C) → (C)a(C)(C)iC	10	kucar-kacir, kumat-kamit, mundarmandir, puntang-panting, umbang-ambing, untang-anting, *ungkah-ungkih, *ungkah-ungkit, *unggang-ungging, *ungkap-ungkip	K. Kerja
	Co(C)CaC → Ca(C)CiC	7	bolak-balik, cobak-cabik, compang-camping, corak-carik, dolak-dalik, kobak-kabik, jongkang-jangking	K. Kerja
	Ce(C)CaC → Ce(C)CuC	18	cepak-cepuk, cerap-cerup, debap-debup, degam-degum, detap-detup, kecah-kecuh, lebak-lebuk, lebam-lebum, lecah-lecuh, lecap-lecup, lekak-lekuk, lempang-lempung, lengah-lenguh, lengkang-lengkung, lepak-lepuk, lerap-lerup, lesap-lesup, letap-letup	K. Kerja

sambungan Jadual A

Kategori	Corak	Jumlah	Senarai Kata	Kelas Kata
	CeCaC → CeCiC	1	selang-seling	K. Kerja
	CaCaC → CaCiC	1	rabak-rabik	K. Kerja
	CaCCi → CaCCa	1	mandi-manda	K. Kerja
	CéCCaC → CéCCoC	2	péncang-péncong, rémpang-rémpong	K. Kerja

Jadual B Senarai Corak Pengandaan Berentak oleh Hashim (1993).

Kategori	Corak	Contoh	Kelas Kata
Pengulangan suku kata pertama	$KV_i(K) + KV(K) -$ $KV_i(K) + KV(K)$	desas-desus	Kelas kata
	$(Y+) [KV_iKKV_j(K)] -$ $[KV_iKKV_j(K)]$	mandi-manda, lenggang-lenggok	K. Nama
Pengulangan suku kata akhir	$(K)V(K) + KV_i(K) -$ $(K)V(K) + KV_i(K)$	sayur-mayur, anak-pinak	K. Nama
	$(Y+) [KV_iKKV_jK] -$ $[KV_iKKV_jK]$	pindah-randah, tunggang-langgang	K. Kerja (persamaan vokal)
	$(Y+) [KVKK_iVK_j] -$ $[KVKK_iVK_j]$	pindah-randah, tunggang-langgang	K. Kerja (persamaan konsonan)
Pengulangan vokal	$KV_i(K) + KV_i(K) -$ $KV_i(K) + KV_i(K)$	-	K. Nama
	$(Y+) [KV_iKKV_iK] -$ $[KV_iKKV_iK]$	pecah-belah, cerai-berai	K. Kerja
	$[KV_i(K)KV_jK] -$ $[KV_i(K)KV_jK]$	hiruk-pikuk, herot-perot	K. Adjektif
Pengulangan Konsonan	$(K_i)VK + K_jV(K_k) -$ $(K_i)VK + K_jV(K_k)$	asal-usul, suku-sakat	K. Nama
	$(Y+) [K_iV(K_j) + K_kV(K_i)] -$ $[K_iV(K_j) + K_kV(K_i)]$	mandi-manda, kucar-kacir	K. Kerja
	$[K_iV(K_j)K_kV(K_i)] -$ $[K_iV(K_j)K_kV(K_i)]$	bengkang-bengkok, punah-ranah	K. Adjektif

GOLONGAN DAN RUMUS KATA GANDAAN BERIMA

Jadual C Senarai 183 Kata Gandaan Berima mengikut Kelas Kata.

Kelas	Jumlah	Kata Gandaan Berima
Kata Nama	36	anak-pinak, aram-temaram, asal-usul, batu-batan, bongkar-bangkir, bukit-bukau, cirit-birit, desas-desus, gerak-geri, gunung-ganang, guruh-garah, hukum-hakam, hutang-piutang, kayu-kayan, keluh-kesah, kilat-kilau, kuih-muih, lauk-pauk, muda-mudi, nafsu-nafsi, piat-piut, safan-safa, saki-baki, sampah-sarap, saudara-mara, sayur-mayur, sebab-musabab, selok-belok, serba-serbi, simpang-perenang, simpang-perinang, suku-sakat, tanah-tanah, teka-teki, tindak-tanduk, usul-asal
Kata Kerja	85	beli-belah, belu-belai, bolak-balik, cebar-cebur, celam-celum, celas-celus, cepak-cepuk, cerai-berai, cerap-cerup, cewat-mewat, cobak-cabik, cobar-cabir, congkah-cangkih, congkar-cangkir, corak-carik, corat-coret, culang-caling, debap-debup, degam-degum, degap-degup, dentam-dentum, deru-deram, detap-detup, dolak-dalik, duduk-dadak, gembur-gembur, genjang-genjot, golak-galik, gotong-royong, hurai-barai, jongkang-jangking, kaih-maih, kelap-kelip, kicak-kicau, kobak-kabik, kopak-kapik, kucar-kacir, kumat-kamit, kutung-katang, lalu-lalang, langak-languk, lebak-lebuk, lebam-lebum, lecah-lecu, lecap-lecup, lempang-lempung, lengah-lenguh, lengkang-lengkung, lepak-lepuk, lerap-lerup, lesap-lesup, letap-letup, lintuk-siuk, luruh-larah, malu-malah, mandi-manda, nonong-nanang, olak-alik, olang-aling, ombang-ambing, pencang-pencong, pindah-randah, puntang-panting, rabak-rabik, rempang-rempong, sara-bara, selang-seli, selang-seling, selit-belit, selu-sela, sempang-sempung, senguk-sengak, silu-silau, sorak-sorai, susuk-sasak, susup-sasap, tungkus-lumus, ubrak-abrik, umbang-ambing, unggang-ungging, unggang-unggit, unkah-ungkih, unkah-ungkit, unkap-ungkip, untang-anting
Kata Adjektif	50	bengkal-bengkil, bengkang-bengkok, biang-biut, bongkang-bangking, calar-balar, compang-camping, conggang-congget, enca-benca, gegak-gempita, halai-balai, haru-biru, haru-hara, herot-berot, herot-perot, hina-dina, hingar-bingar, hiru-biru, hiruk-pikuk, huru-hara, jongkang-jongket, kacau-bilau, kalang-kabut, karut-marut, kelam-kabut, kuyup-kayap, lekak-lekuk, lekuk-lekak, lentum-lentam, liang-liuk, liang-liut, licin-licau, morat-marit, pencong-mencong, pinang-lanang, porak-parik, punah-ranah, ramah-tamah, rembah-rembih, remuk-redam, robak-rabik, robot-rabit, segar-bugar, senang-lenang, serembah-serembih, silang-siur, simpang-siur, terang-benderang, titik-bengik, ucah-acih, warna-warni
Kata Adverba	12	gopoh-gapah, hoyong-hayang, huyung-hayang, incang-incut, lenggak-lenggok, lenggang-lenggok, lintang-pukang, mundar-mandir, pontang-panting, sedu-sedan, serta-merta, tunggang-langgang